

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

Kisah Pengembaraan ibn Baṭṭūtah mengelilingi Dunia

Tahukah tuan siapa dia ibn Baṭṭūtah? Sudah tentu tuan telah mendengar perihalnya, tetapi walau bagaimanapun tentulah tuan berkehendakkan maklumat mengenai diri dan riwayat hidupnya. Ibn Baṭṭūtah lah orangnya yang telah tampil mengembara dengan dua pengembaraan yang sangat-sangat besar ertiinya dalam sejarah Islam, yang telah mengambil masa 28 tahun dan dengannya ia telah mengelilingi sebahagian besar daripada bumi Allah ini.

Ibn Baṭṭūtah diperanakkan di bandar Ṭanjah (Tangier). Nama penuhnya: ‘Abdullah Muhammad ibn ‘Abdullah al-Lawātī. Ia telah meninggal dunia pada kira-kira 600 tahun yang lalu.

(Terjemahan: Abdullah Basmeih)

Menunaikan Haji ke Mekah *al-mukarramah*

Ibn Baṭṭūtah bukanlah seperti sebarang orang dari keluarga “Marco Polo” yang telah keluar mengembara pada kira-kira 50 tahun sahaja (terlebih dahulu daripadanya) dengan meninggalkan bandar Venice (Itali) lalu mereka menuju ke Timur. Bukan juga dia seorang saudagar atau seorang duta (sekurang-kurangnya ketika dia keluar mengembara), bahkan yang sebenarnya dia tatkala meninggalkan negerinya (Marrakesh, Morocco), hanya bertujuan hendak menempuh suatu pengembara yang pendek.....

“ke Mekah *al-mukarramah*” sahaja, dan setelah itu dia akan kembali ke negerinya.

Ibn Baṭṭūtah seorang yang soleh. Ia telah mengambil keputusan hendak pergi ke tanah suci menuaikan ibadah Haji dengan berjalan kaki, sebagaimana yang biasa dilakukan oleh kaumnya – orang-orang Maghribi. Peristiwa

itu berlaku dalam tahun 1325 Masihi, ketika ia

berumur 21 tahun.

Tidak pula dia terburu-buru dalam perjalannya itu. Dan kerana itu ia memandang tidak mengapa tinggal sebulan dua di negeri-negeri yang disinggahinya kerana hendak mengetahui hal ehwal penduduk. Dengan cara ini ia telah mengambil masa kira-kira setahun, baharu dia tiba di Mesir dan ia juga telah berkahwin dua kali di sepanjang perjalanan itu.

Apabila ia tiba di Iskandariah, berlakulah perkara yang menyebabkan ibn Baṭṭūtah mengubah rancangannya dan menjadikan dia menurut jalan lain kerana didesak oleh beberapa orang yang berlain-lain keadaan dan kedudukan mereka. Di antara mereka ialah Puteri Maharaja negeri Qusṭantīniyyah (Rom Timur), dan seorang dari

lanun-lanun negeri Benggala, dan seorang lagi ialah orang hitam berhampiran dengan bandar Delhi yang telah mengangkat ibn Baṭṭūtah di atas belakangnya dalam suatu perjalanan yang panjang, sehingga ibn Baṭṭūtah tertidur di atas belakangnya dalam perjalanan itu.

Ada pun peristiwa yang telah berlaku di Iskandariah ialah pertemuannya dengan seorang yang ganjil “Burhān al-Dīn al-‘Arāj”, orang keramat yang ajaib.

Al-‘Arāj berkata kepadanya: “Saya percaya Tuan ini suka mengembara dan melihat negeri-negeri yang berlain-lain keadaan?”

Ibn Baṭṭūtah menjawab bahawa dia memang suka kepada yang demikian itu, meskipun dia sehingga saat itu belum lagi berfikir hendak melawat ke negeri-negeri yang jauh.

Al-‘Arāj berkata lagi: “Kalau begitu, eloklah Tuan melawat saudaraku ‘Farīd al-Dīn’ di India, kemudian melawat saudaraku yang kedua di negeri China. saya harap Tuan sampaikan salam saya kepada keduanya.”

Ibn Baṭṭūtah berkata bahawa dia telah berasa pelik tentang apa yang telah dikatakan oleh orang itu, dalam pada itu ia tertarik hati kepada syornya yang tersebut dan telah berazam hendak menunaikannya.

Setelah berlalu kira-kira dua puluh tahun, di dalamnya ibn Baṭṭūtah telah berkesempatan menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada “Al-‘Arāj” yang telah ditemui dengan secara kebetulan sahaja.

Pada mulanya ibn Baṭṭūtah menuju ke Mekah, lalu merantau ke seluruh Semenanjung Arab, kemudian ia balik

sekali lagi ke Mekah lalu menunaikan ibadah Haji. Pada kali ini ia telah tinggal di situ kira-kira tiga tahun, setelah itu iapun berangkat menuju ke pantai Afrika Timur sehingga tiba di “Mombasa” (Mombāsā), kemudian balik sekali lagi ke Mekah dan menunaikan Haji bagi kali yang ketiga.

Dalam pengembaraannya itu ibn Baṭṭūtah telah mencatat segala perkara yang mengenai adat istiadat bangsa-bangsa yang berbagai-bagai, ahli-ahli agama, saudagar-saudagar, jenis-jenis makanan, minuman dan kaum perempuan.



Pelajar-pelajar lepasan Maahad Hisamuddin, Riverside, Klang yang telah terpilih menjadi guru-guru agama baharu-baharu ini.

Duduk dari kanan: Ustādh Maṣnaf Iḥyā’, dan Ustādh Ilyās Rāis. Manakala yang berdiri dari kanan ialah:

Ustādh Hāji Uthmān dan Ustadh Ismā’ il Sa ‘īd.

Ke Baitulmaqdis kemudian ke Moscow

Ibn Baṭṭūtah telah berkira hendak pergi terus ke India dengan melalui jalan laut, tetapi dia tidak berjaya, lalu kembali ke bandar Kaherah, dan dari sana ia telah pergi ke Baitulmaqdis. Setelah itu ia mendapat seorang yang sanggup membawanya bersama melalui Asia Kecil ke Laut Hitam. Di sini ia telah menumpang sebuah kapal yang membawanya ke Crimea. Dalam pelayaran itu ia telah menderita mabuk laut, dan nyaris-nyaris kapalnya karam, tetapi akhirnya ia telah sampai dengan selamat di Crimea.

Setibanya di sana, ia telah menggunakan kereta-kereta yang berjalan lambat, dan ada kalanya dia berkuda yang dipinjamkan kepadanya oleh orang-orang kenalannya dalam perjalanan itu atau oleh setengah pegawai tinggi pemerintah di daerah itu, sehingga dia tiba tidak jauh dari bandar Moscow, di bandar “Mazan” yang terletak di sebelah Timur. Ketika tiba di situ, timbulah cita-citanya kalau dia dapat melanjutkan perjalannya itu ke sebelah Utara supaya dapat melihat adakah betul malam musim sejuk di kawasan itu mengambil masa dua puluh empat jam? Tetapi ia tidak mendapati kenderaan yang akan membawanya ke sana selain daripada jenis-jenis kereta penggelunsur yang ditarik oleh beberapa ekor anjing yang besar-besar. Ia pun tawar hatinya lalu balik semula ke Istana Raja Mongol yang sedang memerintah Selatan negeri Rusia pada masa itu dan bersemayam di bandar “Astrakhan”.

Menamai Puteri Raja Rom

Kebetulan pada masa itu salah seorang isteri Raja Mongol itu ialah Puteri Maharaja Negeri

Qustanṭīniyyah (Rom Timur), sedang bersiap hendak berangkat melawat ayahandanya. Ibn Baṭṭūtah pula sehingga saat itu belum lagi dapat menyaksikan sebuah bandar besar orang Kristian. Iapun bermohon kepada Raja Mongol (Khan), supaya dibenarkan berangkat bersama-sama dengan angkatan Permaisuri (Puteri Raja Rom) itu. Ia telah dibenarkan oleh Khan dan dianugerahi lima ribu dinar, satu persalinan yang indah, dan beberapa ekor kuda. Demikianlah ibn Baṭṭūtah telah berjaya mencapai maksudnya iaitu berangkat ke bandar Qustanṭīniyyah atau Kostantinopel itu.

Setelah tinggal beberapa minggu di situ, baliklah ibn Baṭṭūtah ke Astrakhan. Setibanya di bandar itu dan setelah menyatakan hajatnya kepada Raja Mongol bahawa dia hendak meneruskan pengembalaan itu ke negeri Afghanistan, kemudian daripada itu ke India, maka ibn Battutah pun berangkat menuju ke India setelah mendapat anugerah daripada Khan – raja Rusia Selatan itu.

Berjumpa Farid al-Din di India

Apabila ibn Baṭṭūtah tiba di India, maka iapun mencari akan “Farīd al-Dīn” saudara kandung “Burhān al-Dīn al-‘Arāj” (sahabatnya yang ditemui di Iskandariah dahulu), lalu didapatinya, tetapi orangnya berlainan sama sekali daripada Burhān al-Dīn yang soleh lagi warak itu. Farīd al-Dīn dilihatnya sedang tenggelam dalam lautan syahwat yang hampir-hampir membinasakannya.

Menjadi Hakim Islam di Delhi

Tibalah ibn Baṭṭūtah “di Delhi” yang pada masa itu menjadi pusat kerajaan Islam di India. Ibn Baṭṭūtah

yang banyak pengalaman hasil daripada pengembaraannya itu telah menarik hati Raja Islam atau Shah yang sedang berkuasa itu, lalu dilantiknya dengan serta merta menjadi Qadi (Hakim) bagi orang-orang Islam di Delhi, dengan gaji yang besar dan beberapa pendapatan tambahan yang lain, yang mencukupi segala perbelanjaan yang dikehendakinya.

Oleh kerana ibn Battūtah tidak mengetahui selok belok adat istiadat penduduk di India, maka ia telah diberi dua orang pembantu yang berpengalaman, sehingga menjadilah pekerjaannya hanya menurunkan tanda tangan di atas surat-surat yang dibawa kepadanya, meskipun begitu, pekerjaan yang sedemikian ada pula bahayanya, kerana raja sangat menaruh syak kepada pegawai-pegawaiannya, dan lazimnya pegawai-pegawai yang dituduh membuat sesuatu kesalahan akan dilemparkan supaya dipijak-pijak oleh beberapa ekor gajah, yang bersalut kakinya dengan besi tajam, sehingga mati berkecai-kecái.

Selain daripada itu ibn Battūtah telah menyebabkan dirinya mengalami kesulitan, kerana dia semenjak itu asyik berbelanja besar sehingga dia tenggelam di dalam hutang. Perbuatannya itu telah ditegur oleh Raja dan diberi amaran supaya jangan dia mengulanginya. Dalam pada itu segala hutangnya telah dijelaskan oleh Raja yang dermawan itu dan gajinya pula telah dinaikkan.

Tetapi nampaknya ibn Battūtah tidak sanggup menurut perintah Raja itu, lalu dia meletakkan jawatannya, dan menceraikan isteri-isterinya kemudian dia menurut seorang ‘alim ‘ulama’ yang terkemuka lalu membuang dunia dan menjadikan dirinya seorang yang rendah. Terharu hati Raja mengenangkan langkah yang telah diambil oleh ibn Battutah itu, baginda pun mengangkat ibn Battūtah menjadi utusannya ke negeri China.

Sekali lagi ibn Battūtah mendapat dirinya lepas bebas, setelah ia menghabiskan masanya dalam jawatan kerajaan di Delhi.

Tetapi nasibnya yang malang sedang menunggunya “di Kolkata”. Kapal kenaikannya telah tenggelam di Laut Benggala bersama-sama dengan hadiah-hadiah persembahan dan gundik-gundik yang setengahnya dihantar oleh Shah India kepada Maharaja China dan setengahnya yang lain dianugerahkan kepada ibn Battūtah sendiri.

Beristeri Empat di Kepulauan Maldives

Terbayang-bayanglah kepada ibn Battūtah bahawa Shah India itu tidak akan mengampuni apakala kejadian itu diketahui olehnya, ia pun mengambil keputusan tidak akan balik lagi kepada raja. Ia pun berpatah balik menuju ke Selatan India dan Ceylon. Ia telah tertarik hati kepada Kepulauan “Maldives”. Oleh kerana penduduk Maldives telah mengetahui akan kedudukan ibn Battūtah di Delhi dahulu maka mereka pun melantiknya menjadi hakim di situ.

Di Kepulauan Maldives ini, ibn Battūtah telah beristeri empat, selain daripada beberapa orang gundik. Ia telah mensifatkan penduduknya taat mengerjakan perintah-perintah Islam dan hidup aman damai. Ia juga telah menyebut dalam kitab pengembaraannya “Rihlah ibn Battūtah” bahawa seorang lelaki yang tiba di Kepulauan itu akan dapat berkahwin dengan seorang perempuan dari secantik-cantik perempuan di situ dengan mas kahwin yang murah, dan untuk sepanjang masa yang disukainya, kerana memandang bahawa dia akhirnya akan meninggalkan pulau itu.

Ibn Battūtah sekali lagi mengalami kesulitan semenjak dia beristeri banyak di Kepulauan Maldives, kerana tidak berapa antaranya telah timbul persengketaan di antaranya dengan Datuk Menteri, dan pada ketika itu ia pun mengambil keputusan menceraikan isteri-isterinya itu dikecualikan seorang di antara mereka yang telah melahirkan seorang anak lelaki. Akhirnya ibn Battūtah meninggalkan pulau itu.

Dari Kepulauan Melayu ke negeri China

Setelah menjalankan ikhtiar dengan bersungguh-sungguh, ibn Battutah dapat menumpang beberapa orang kenalannya lalu mengembara di Kepulauan Melayu dan dari situ terus belseyar ke negeri China. Setelah puas dia merantau di negeri China, akhirnya ibn Battūtah dapat berjumpa dengan saudara yang kedua bagi sahabatnya “Burhān al-Dīn al-‘Arāj”.

Kembali ke tanah airnya.

Pada ketika itu suatu pemberontakan telah berlaku di negeri China, dan sebelum pemberontakan itu merebak, ibn Battūtah pun mengambil keputusan hendak balik ke negerinya. Baliklah ia melalui Kepulauan Melayu dan dia tidak lupa singgah berjumpa dengan isteri-isterinya dan anak-anaknya – yang bertaburan dalam beberapa buah negeri di sepanjang-panjang perjalanan sehingga dia tiba dengan selamatnya di Afrika Utara. (Morocco – negerinya).

Mengembara sekali lagi

Setelah itu ia pun melanjutkan pengembaraannya ke Selatan Semenanjung Sepanyol, yang pada ketika itu masih diperintah oleh orang Islam. Dari sana ia pun

berpatah balik ke Afrika Utara (Al-Jazair), dan dari situ ia mengambil peluang melanjutkan perjalannya ke bandar “Timbuktu” (Tumbuktu) yang terletak di tengah-tengah padang Sahara. Setelah selesai daripada pengembaraannya ia pun balik semula ke negerinya, lalu tinggal menetap di bandar Fas (Fez).

Pada masa itu umurnya lima puluh tahun. Ia telah hidup sehingga mencapai umur tujuh puluh tiga tahun.

Dua Peristiwa yang Menggerikan

Kalau kita selidikinya akan apa yang telah ditinggalkan oleh ahli pengembaran yang besar ini, nescaya kita akan dapati bahawa di sepanjang pengembaraannya yang penuh dengan kejadian-kejadian yang menakjubkan itu, hanya dua kali sahaja ia telah mengalami perkara-perkara yang mengerikan hatinya.

Sekali pada ketika seorang ahli “Yogi” di India telah menjelma sebagai sebuah batu besar empat persegi lalu tergantung di awang-awang di atas kepala ibn Battūtah.

Kali yang kedua pula, ialah ketika dia menghadiri suatu perayaan besar ahli-ahli sihir di bandar “Hangzhou” di negeri China. Salah seorang ahli sihir China pada hari itu telah dapat menyembunyikan seorang kanak-kanak di udara, orang-orang yang berkerumun di situ dapat mendengar suaranya ketika kanak-kanak itu dibunuh, lalu tubuhnya yang berkecaci-kecaci gugur dengan cara mengejut di hadapan mereka.

Ibn Battūtah telah jatuh pengsan ketakutan dalam

kedua-dua peristiwa itu.